Telagaku seluas perjalanan sebulan, airnya lebih putih daripada susu, dan baunya lebih harum daripada kasturi

Daripada Abdullah bin Amr رضي الله عنهما, beliau berkata, bahawa Nabi ﷺ bersabda: "Telagaku seluas perjalanan sebulan, airnya lebih putih daripada susu, dan baunya lebih harum daripada kasturi, dan bekas-bekas minumannya seperti bintang-bintang di langit, sesiapa yang minum daripadanya tidak akan dahaga selama-lamanya."

[صحيح] [متفق عليه]

Nabi ﷺ bersabda bahawa baginda mempunyai sebuah telaga pada hari kiamat, panjangnya perjalanan sebulan dan lebarnya juga demikian, dan bahawa airnya adalah lebih putih daripada susu, Dan bahawa baunya suci, lebih wangi daripada bau kasturi, Dan cerek-cereknya adalah seperti bintang-bintang di langit dari segi jumlahnya, Sesiapa yang meminum dari al-Haudh dengancerek-cerek tersebut, tidak akan dahaga selama-lamanya.

http://www.sunnah.global/hadeeth/ms/show/65030